**PERATURAN PEMARKAHAN**

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sunnatullah:<br><br>Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut. (1m)</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu:<br><br>• mengenal pasti sebab kejayaan umat terdahulu.<br>• mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.<br>• menjadikan iktibar dalam kehidupan<br>• mengamalkan aqidah yang benar<br>• memupuk akhlak mulia.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>• Pembangunan tidak terancang<br>• Sifat rakus / tamak manusia<br>• Mengabaikan sunnatullah</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud Qalqalah:<br><br>Bunyi lantunan ketika menyebut huruf-huruf qalqalah.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>قَدْ<br><br>قَبْلِكُمْ</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Maksud Fiqh Aulawiyat:<br><br>Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan (1m) berdasarkan prinsip syarak. (1m)</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Bidang pelaksanaan Fiqh Aulawiyat ialah :<br><br>• Ilmu dan pemikiran<br>• Amalan<br>• Tuntutan syarak</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:<br><br>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi :<br>• Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak<br>• Mengambil kira keperluan semasa dan tempat<br>• Mengutamakan keperluan manfaat bersama</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Konsep berdikari menurut Islam :<br><br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan Allah untuk perkara yang bermanfaat.<br>- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain<br>- memelihara maruah dan kemuliaan diri.<br>- Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas<br>- Berazam dengan hemah yang tinggi<br>- Meningkatkan kualiti diri<br>- Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sifat berdikari perlu ada pada diri seorang pelajar kerana :<ul><li>Sifat ini merupakan tuntutan agama /agar mencapai kejayaan dalam kehidupan.</li><li>Sifat ini merupakan sunnah Nabi/ kerana para Nabi juga berdikari untuk menampung kehidupan mereka.</li><li>Dapat melahirkan pelajar yang rajin berusaha/ untuk menuntut ilmu</li><li>Menjauhi sifat suka meminta-minta/ tanpa ada keinginan untuk berusaha mendapatkan rezeki yang halal</li></ul></td><td>2 X 1m = 2m<br><br>Isi -1m<br>Huraian - 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kelebihan berdikari:<ul><li>Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal</li><li>Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran</li><li>Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkat taraf kehidupan</li></ul></td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Perkerjaan para Rasul di bawah :<table><tr><td>Nabi Muhammad S.A.W</td><td>Penggembala kambing/Peniaga</td></tr><tr><td>Nabi Daud A.S</td><td>Tukang Besi</td></tr><tr><td>Nabi Idris A.S</td><td>Tukang Jahit</td></tr><tr><td>Nabi Zakaria A.S</td><td>Tukang kayu</td></tr></table></td><td>4 X 1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud pemimpin yang adil ialah pemimpin yang menjalankan tanggung jawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya/ berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rubrik penskoran:<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan</td><td>4m</td></tr></table></td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<table><tr><td>menarik</td><td></td></tr></table>
Cadangan isi :<br>
- Mencontohi golongan tersebut<br>
- Mendampingi orang yang soleh<br>
- Melazimi qiamullail<br>
- Istiqamah melakukan amalan sunat
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td>iii</td><td>
Contoh amalan yang sering dilakukan golongan di bawah :
<table>
<tr><th>Golongan</th><th>Contoh amalan</th></tr>
<tr><td>Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT</td><td>- Menjauhi perbuatan mencuri<br>- Menghindari pergaulan bebas tanpa batasan</td></tr>
<tr><td>Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitiskan air mata</td><td>- Beristighfar dan mengharapkan keampunan Allahsama aa melalui hati, atau lisan dengan penuh ikhlas dan rasa takut kepada-Nya</td></tr>
<tr><td>Seseorang yang menyembunyikan sedekah</td><td>- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan atas talian<br>- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid</td></tr>
<tr><td>Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT</td><td>- Melaksanakan tuntutan solat 5 waktu dan ibadah puasa dengan sempurna<br>- Melazimi qiamullail, membaca Al-Quran dan berzikir</td></tr>
</table>
* Jawapan munasabah diterima
</td><td>4 X 1m = 4m</td></tr>
<tr><td>3</td><td>a</td><td>(i)</td><td>Maksud Allah Al Jabbar ialah nama Allah swt Yang Maha Berkuasa secara mutlak/ untuk melakukan segala kehendaknya</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Konsep kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Jabbar<br>• Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh alam/ iaitu semua</td><td>2 X 2m =</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>makhluk berada di bawah pemerintahan Allah.<ul><li>Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatannya /kerana setiap perbuatan Allah mengandungi hikmah yang tersembunyi.</li><li>Manusia wajib merendah diri /kerana Allah swt akan mencampakkan makhluk yang takbur ke dalam neraka.</li></ul></td><td>4m<br>Isi -1m<br>Huraian -1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan kesan sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<ul><li>Masyarakat akan mudah berpecah belah/ kerana tidak wujud ikatan silaturrahim.</li><li>Masyarakat akan mundur kerana pembangunan tidak dapat dibangunkan.</li><li>Masyarakat tidak harmoni/ kerana wujud pergaduhan.</li></ul></td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td>(i)</td><td>Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada Al Quran dan As Sunnah / menerusi para sahabat dan tabien serta tabi tabien / dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak .</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Prinsip akidah Ahlu Sunnah Wal Jamaah ialah:<ul><li>Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan</li><li>Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya ataupun tidak serta dihitung baginya dosa dan paala.</li><li>Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam Al Quran dan As Sunnah antaranya termasuklah persoalan kubur, hari akhirat, titian sirat, mizan, malaikat, jin dan sebagainya.</li><li>Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk.</li></ul></td><td>4 X 1m = 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>• Syafaat Rasulullah adalah dengan izin tuhannya termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar keran mereka masih dikira beriman.<br>• Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah dan merupakan rahmat Allah kepada manusia.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan kesan sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>• Masyarakat akan berpecah belah kerana berbeza fahaman.akidah<br>• Masyarakat tidak tenteram kerana diancam pengaruh ajaran sesat<br>• Masyarakat akan ditimpa bencana oleh Allah kerana melakukan penyelewengan akidah</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>4</td><td>a</td><td>(i)</td><td>Maksud sembelihan dalam Islam ialah<br>Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya / dengan cara memutuskan urat halkum dan urat marik.</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh alat sembelihan yang dilarang ialah ;<br>• Tulang<br>• Gigi<br>• Kuku<br>• Rambut</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Contoh perbuatan menyiksa binatang sembelihan ialah;<br>• Memenggal leher binatang<br>• Mematahkan kaki binatang sembelihan<br>• Mengheret kaki binatang sembelihan ke tempat sembelihan<br>• Menajamkan pisau sembelihan di hadapan binatang</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Hikmah sembelihan ialah :<br>• Membezakan antara daging halal dengan daging yang haram /supaya ibadah diterima.</td><td>2 X 2m = 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang /kerana toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang telah dikeluarkan.<br>• Mempercepatkan proses kematian /supaya tidak menyeksa binatang yang disembelih. | Isi -1m<br>Huraian - 1m |
| | b | (i) | Tanggungjawab suami ialah ;<br>• Menyediakan segala keperluan asas untuk isteri dan anak-anak.<br>• Memberikan kasih sayang , belas kasihan serta nafkah batin bagi memenuhi keperluan isteri.<br>• Memberikan layanan yang baik kepada isteri seperti tutur kata yang baik.<br>• Memberikan ilmu pengetahuan dan didikan agama secukupnya.<br>• Menyelesaikan mahar yang belum dijelaskan | 2 X 1m = 2m |
| | | (ii) | Tanggungjawab suami isteri dari aspek ibadat ialah;<br>• Mendidik keluarga dengan memberi pengetahuan berkaitan dengan ibadah yang betul.<br>• Memastikan anggota keluarga menunaikan tanggungjawab ibadah.<br>• Mempraktikkan cara hidup bersyariat dalam keluarga.<br>• Memelihara anggota keluarga daripada amalan yang menyeleweng. | 2 X 1m = 2m |
| | | (iii) | Kesan jika suami isteri tidak menjalankan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak ialah;<br>• Anak-anak akan terbiar<br>• Tidak akan mendapat didikan sewajarnya<br>• Terjerumus dengan dosa dan maksiat | 2 X 1m = 2m |
| | | (iv) | Cara mengatasi kes pengabaian tanggungjawab dalam rumahtangga ialah :<br>• Berkomunikasi secara baik antara suami dan isteri /untuk mengelakkan berlakunya salah faham.<br>• Menuntut ilmu hak dan tanggungjawab dalam rumahtangga/ agar rumahtangga harmoni.<br>• Pasangan yang ingin berkahwin didedahkan ilmu hak dan tanggungjawab /untuk memastikan institusi kekeluargaan kukuh.<br>• Memastikan kewangan stabil sebelum berkahwin / supaya kehidupan rumahtangga lebih terjamin | 2 X 2m = 4m<br>Isi -1m<br>Huraian - 1m |
| 5 | a | (i) | Nama khalifah yang terkenal di zaman kerajaan Umaiyah :<br>• Muawiyah bin Abi Sufian<br>• Abdul Malik bin Marwan | 2 X 1m = 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td><ul><li>Al-Walid bin Abdul Malik</li><li>Umar bin Abdul Aziz</li></ul></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek ketenteraan ialah :<ul><li>Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin</li><li>Semangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.</li><li>Kemudahan Pengkalan Tentera dan kapal perang.</li><li>Peralatan perang yang canggih.</li><li>Adaptasi strategi peperangan</li><li>Meniru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan</li></ul></td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan cara sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan cara beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan cara beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan Isi:<ul><li>Menyemarakkan aktiviti keilmuan</li><li>Mengiktiraf ulama</li><li>Dakwah kepada bukan Islam</li><li>Memanfaat kemudahan awam</li></ul></td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>b</td><td></td><td>Akhlak Solahuddin al- Ayubi ialah :<ul><li>Menghormati para ulama.</li><li>Berani mempertahankan agama.</li><li>Prihatin terhadap kebajikan rakyat.</li></ul></td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>c</td><td>(i)</td><td>Maksud khauf ialah takutkan kepada kemurkaan dan azab Allah /dengan menjauhi segala larangan- Nya.</td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Konsep khauf dan raja’ yang seimbang ialah :<ul><li>Rasa takut kepada Allah hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.</li><li>Seorang yang mengharapkan keredaan Allah hendaklah</li></ul></td><td>2 X 1m = 2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | melakukan amal ibadah dan menjauhi perbuatan maksiat.<br>• Ganjaran syurga dapat menjadi motivasi untuk seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah .<br>• Perasaan Khauf terhadap balasan neraka akan menjadi benteng daripada keinginan melakukan maksiat.<br>• Perasaan Raja' akan mendorong seseorang untuk berlumba-lumba melakukan ibadah tanpa putus asa terhadap rahmat Allah.<br>• Khauf dan Raja' hendaklah berpaksikan husnuzon kepada Allah . | |
| | | (iii) | Hikmah khauf dan raja' ialah :<br>• Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan .<br>• Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan kerana yakin Allah melihat dan menilai setiap perbuatannya.<br>• Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah kerana takut akan kemurkaan-Nya. Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan supaya mendapat kemanisan Iman<br>• Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah setelah berusaha bersungguh- sungguh. | 2 X 1m = 2m |
| | | (iv) | Rubrik penskoran: | 4m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian yang ringkas | 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | <table><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>• Memupuk perasaan takut kepada Allah<br>• Menanamkan sikap mengharapkan keredhaan Allah<br>• Perasaan bergantung harap kepada Allah | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**